

18 AUG 1999

Azhar-imbau

AZHAR IMBAU ZAMAN SILAM DI RUMAH BAPANYA

KANGAR, 18 Ogos (Bernama) -- Setelah lebih enam bulan bertarung dengan ombak semasa belayar mengelilingi dunia secara solo, Datuk Azhar Mansor menjejak kakinya semula ke kediaman bapanya di Padang Katong di sini.

Azhar, 41, ternyata gembira apabila berada di rumah banglo setingkat tempat dia dibesarkan, apatah lagi dapat bertemu semula dengan ramai sanak saudaranya.

"Saya gembira hari ini..di rumah ini saya dibesarkan, di kampung ini saya memungut mempelam," katanya sambil mengimbau kenangan silamnya.

Menurutnya, beliau akan bermalam di rumah itu malam ini sebelum berlepas pulang ke rumahnya di Kuala Lumpur esok.

"Saya terpaksa pulang ke Kuala Lumpur kerana anak-anak saya perlu bersekolah," katanya.

Ditanya sama ada waktu bersama sanak saudaranya di sini amat singkat, Azhar berkata, masa tidak pernah singkat jika bijak menggunakannya.

"Saya akan selalu balik ke sini," katanya.

Pelayar itu berkata, beliau akan lebih gembira jika kejayaannya dapat dikongsi bersama ibunya, Allahyarham Fatimah Ayob.

Fatimah meninggal dunia dua tahun lalu tanpa sempat melihat kejayaannya.

"Kalau mother ada memang meriah," katanya.

Azhar pulang ke Perlis petang semalam dengan mempunyai atur cara yang sibuk.

Hari ini, beliau menyampaikan ceramah motivasi kepada lebih 1,000 pelajar di Kompleks Warisan yang terletak tidak jauh dari kediaman bapanya.

Azhar selamat sampai ke Langkawi pada Rabu lepas setelah mencipta nama sebagai rakyat Malaysia yang pertama mengelilingi dunia. Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengetuai ribuan rakyat menyambut kepulangannya.

-- BERNAMA

AD MAI